

21/02/2003

Pendidikan Islam diajar selepas waktu sekolah

Kadir Dikoh; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan pembelajaran subjek pendidikan Islam pada sesi berasingan selepas waktu sekolah apabila menyemak semula kurikulum sekolah kebangsaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan turut mengkaji pendekatan pendidikan Islam yang diamalkan di Johor, selain kandungan mata pelajaran Agama Islam.

"Kita akan kaji semula kurikulum untuk memastikan pelajaran agama Islam lebih berkesan dalam membentuk peribadi Islam dan kehidupan cara Islam. Apabila seseorang belajar agama Islam, dia akan menjadi manusia yang baik dan berjaya," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu membincangkan secara mendalam mengenai isu itu dan mendapati tumpuan yang diberikan ialah kepada perkara yang bukan menjadi asas, tetapi perkara sampingan dalam agama Islam.

Katanya, kajian menyeluruh itu bukan saja mengenai pendekatan pelaksanaan mata pelajaran, malah membabitkan kandungan mata pelajaran Agama Islam itu sendiri.

"Kita perlu mengkaji semula isi kandungan pelajaran sekolah agama Islam ini kerana kita dapati banyak daripada pelajaran agama Islam tidak memberi tumpuan atau penekanan dalam pelajaran kepada anak-anak kita, apabila mereka dewasa tidak dapat manfaat sepenuhnya daripada ajaran Islam," katanya.

Perdana Menteri pada majlis Taklimat Presiden Umno minggu lalu berkata, penyusunan semula mata pelajaran Agama Islam dilakukan kerana sekolah agama rakyat (SAR) tidak lagi mengajar murid mengenai agama yang sebenar, sebaliknya menghasut mereka membenci kerajaan.

Bagaimanapun, Presiden Umno itu berkata penyusunan semula itu akan mengambil sedikit masa kerana perlu dilakukan secara tertib.

Taklimat khas Presiden Umno itu diadakan bagi membolehkan semua peringkat kepimpinan parti memahami dengan jelas apakah usaha dan langkah yang akan dilakukan kerajaan untuk mengatasi masalah pendidikan agama Islam.

Ia dianggap penting kerana pembangkang kini memutarbelitkan isu SAR kerana pada pandangan mereka tindakan kerajaan itu bertujuan menerapkan nilai sekular dalam sistem pendidikan agama.

Oktober lalu, kerajaan menghentikan sementara bantuan per kapita untuk semua SAR berikutan tindakan sesetengah sekolah menyalahgunakannya bagi tujuan politik.

Pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT itu, Dr Mahathir berkata,

pelajar yang mahu membuat pengkhususan dalam bidang agama dan bahasa Arab

akan diberi pilihan memulakan pembelajaran di peringkat lebih awal.

Ditanya sama ada mata pelajaran agama Islam yang ada dilihat cetek serta

tidak menyeluruh kerana lebih memberi tumpuan kepada perkara luaran, beliau berkata: "Ya, tak ada substance sekarang ini.

"Sepatutnya bila kita belajar agama, kita akan menjadi manusia yang baik

dan berjaya yang mana salah seorang ahli MT ada menyebut mengenai azan, mengenai marilah mengerjakan solat dan marilah menuju kejayaan.

"(Ajakan melalui) ...solat itu berkenaan dengan sembahyang tetapi kita juga didesak mencari kejayaan. Kejayaan bermakna kejayaan yang dicapai dalam hidup... tetapi itu tidak diberi penekanan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu membuat kajian yang menyeluruh terhadap penyusunan semula mata pelajaran itu demi kebaikan semua pelajar Islam.

"Banyak kemungkinan yang kita akan kaji. Mana yang baik kita akan terima," katanya.

Dr Mahathir berkata MT juga bangga dengan kejayaan Puteri Umno mengadakan perhimpunan baru-baru ini dan semua pihak termasuk ketua Umno bahagian perlulah menerima hakikat bahawa baik Puteri, Wanita mahupun Pemuda Umno adalah sebahagian daripada Umno dan berperanan menjayakan perjuangan Umno.

Beliau mahu anggota Puteri Umno diberi latihan yang mencukupi dengan cara yang lebih berkesan.